

Lelaki mengaku curi rim tayar motosikal dipenjarakan 14 bulan

KUCHING: Padah mencuri seunit rim tayar motosikal, seorang lelaki berusia 29 tahun dijatuhi hukuman penjara 14 bulan oleh Mahkamah Majistret di sini semalam.

Rosli Jaka yang tidak diwakili peguam, mengaku bersalah sebaik didakwa mengikut Seksyen 379A Kanun Keseksaan.

Seksyen berkenaan memperuntukkan hukuman penjara tidak kurang setahun dan tidak melebihi tujuh tahun dan boleh didenda, jika sabit kesalahan.

Mengikut kertas pertuduhan, dia didakwa melakukan kesalahan itu sekitar jam 11.30 malam di sebuah kedai di Jalan Mahkamah Lama di sini pada 2 Mei 2026.

Berdasarkan fakta kes, seorang lelaki berusia 24 tahun (pengadu) hendak mengamobil motosikal miliknya yang

diletakkan di hadapan kedai tersebut sebelum mendapati rim tayar bahagian hadapan motosikal telah hilang.

Sehubungan itu, laporan polis dibuat dan ini membawa kepada penangkapan tertuduh pada 6 Mei 2026.

Hasil siasatan polis kemudiannya mendapati tertuduh mengaku telah mencuri rim tayar motosikal pengadu untuk kegunaan sendiri.

Malah, rakaman kamera litar tertutup (CCTV) di tempat kejadian menunjukkan motosikal yang digunakan tertuduh semasa mencuri rim tayar tersebut adalah sama seperti dalam rakaman CCTV berkenaan.

Pendakwaan dilakukan oleh Timbalan Pendakwa Raya Ahmad Fauzulutfi Suriani di hadapan Majistret Ling Hui Chuan.